

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2015)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH (KALABAKAN)**

TARIKH : 7 APRIL 2015

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh (Kalabakan)
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) apakah YB Menteri maklum bahawa terdapat banyak Badan-Badan Wakaf di negara ini khususnya di negeri Sabah yang tidak berdaftar dan bertanggung jawab kepada mana-mana pihak; dan
- (b) jika maklum, apakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu perundangan agar pentadbiran Badan-Badan Wakaf dalam negara ini diselaraskan

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagaimana Ahli Yang Beerhormat sedia maklum , perkara-perkara berkaitan pentadbiran Agama Islam termasuk wakaf adalah berada di bawah bidang kuasa negeri-negeri iaitu Majlis Agama Islam Negeri. Ini selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai 2, Perkara 1 yang menyatakan perkara berkaitan hal ehwal Agama Islam adalah di bawah pentadbiran negeri-negeri kecuali Wilayah Persekutuan.

Berdasarkan Akta dan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri-negeri, Majlis Agama Islam Negeri adalah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua tanah-tanah wakaf di negeri masing-masing. Oleh itu, Majlis Agama Islam Negeri-Negeri bertanggungjawab untuk memantau, menyelaras dan mengawal kewujudan badan-badan wakaf yang lain bagi memastikan ianya selaras dengan syariah dan tiada pihak yang mengambil kesempatan mengutip dana atas nama wakaf.

- (b) Pada asasnya, kewujudan satu perundangan yang seragam dalam bidang wakaf bagi semua negeri adalah amat perlu bagi memastikan pengurusan wakaf yang kian mempunyai kepentingan dari segi ekonomi dapat dikawal selia dan dipantau dengan berkesan. Dalam hubungan ini, bagi maksud penyeragaman, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) telah menerbitkan Manual Pengurusan Model Perundangan Wakaf untuk tujuan

rujukan kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri bagi melaksanakan urusan wakaf tersebut. Walau bagaimanapun, ianya hanyalah merupakan panduan asas sahaja dan tertakluk kepada pertimbangan Majlis Agama Islam Negeri-negeri untuk menerima pakai panduan tersebut.

Justeru, memandangkan hal-ehwal pentadbiran Agama Islam menjadi hak eksklusif negeri-negeri, maka kajian dan perbincangan mendalam bersama pihak Majlis Agama Islam Negeri-Negeri perlu diadakan bagi memelihara sensitiviti dan hubungan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih